

Bil. S 85

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 5 dari Penggal 127.
 3. Pemasukan bab 5A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LESEN-LESEN RAMPAIAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lesen-Lesen Rampaian (Pindaan) (Bil. 2), 2008.

Pindaan bab 5 dari Penggal 127.

2. Bab 5 dari Akta Lesen-Lesen Rampaian, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan "atau mana-mana pegawai kerajaan yang diberi kuasa oleh Menteri" sejurus selepas "pegawai polis" dalam baris keempat.

Pemasukan bab 5A baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 5 —

"Kuasa untuk menyiasat.

5A. Dalam sebarang kes berhubung dengan suatu kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* hendaklah mempunyai semua kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) berkenaan dengan penyiasatan mengenai suatu kesalahan boleh tangkap."

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 30 haribulan Ogos, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM